

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KAJIAN KE ATAS KEPERLUAN-KEPERLUAN LATIHAN OLEH PARA PESERTA SKIM PENEMPATAN GETAH TULIP DI DAERAH KENINGAU, SABAH

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN (PENGELAYARAN TANAMAN)

SAYA: RUWENA TINDIK
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2001/2010

Mengaku membenarkan tesis * (LPSM/Sarjana/Doktor-Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

JAMIUN MICHEAL
LIBRARY
LIBRARY
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Pensyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah
(NAMA PENYELIA dan cop)

Alamat Tetap: D/A JUBIRA AWIN
P/5 13, 89007 KENINGAU
* SABAH

Tarikh: 21 APRIL 2010

Tarikh: 21 APRIL 2010

Catatan: - * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



KAJIAN KE ATAS KEPERLUAN-KEPERLUAN
LATIHAN OLEH PARA PESERTA SKIM
PENEMPATAN GETAH TULID DI
DAERAH KENINGAU, SABAH

RUWENA TINDIK

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN


PROGRAM PENGETAHUAN DAN KEMahiran
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya perjelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana-mana universiti yang lain.



Ruwena Tindik

HP2006-4466


14 April 2010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


DIPERAKUKAN OLEH

1. Dr. Abdul Rahim Awang
PENYELIA



Tandatangan dan cop
DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Pensyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

2. En. Mohammad Amizi Bin Ayob
PENYELIA BERSAMA



Tandatangan dan cop

MOHAMAD AMIZI BIN AYOB
Pensyarah Kanan / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah


3. En. Assis Bin Kamu
PEMERIKSA



Tandatangan dan cop
ASSIS KAMU

Lecture / Academic Advisor
School Of Sustainable Agriculture
Universiti Malaysia Sabah


4. Januarius Gobilik
PEMERIKSA



Tandatangan dan cop

JANUARIUS GOBILIK
Lecturer / Academic Advisor
School of Sustainable agriculture
Universiti Malaysia Sabah

5. Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman
DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI



Tandatangan dan cop
PROF. DR. RIDZWAN ABDUL RAHMAN

Dekan
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah



PENGHARGAAN

Salam sejahtera saya ucapkan. Syukur kepada Tuhan kerana berkat rahmatNya, saya berjaya juga menyiapkan tugas projek tahun akhir ini. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia, Dr. Abdul Rahim Awang dan ko-penyelia, En. Mohammad Amizi Bin Ayob kerana banyak membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga kepada pemeriksa tesis saya yang memberi banyak komen dan kritikan yang baik serta kepada penyelaras kursus projek ini iaitu Cik Chee atas tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan. Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada Lembaga Industri Getah Sabah yang memberikan kerjasama yang begitu baik sekali terutamanya En. Eswadi Roslan dan pengurus Skim Penempatan Getah Tulid, En. Joseph Jikah. Kepada kawan-kawan yang banyak membantu sewaktu menjalankan tugas ini disiapkan, jutaan terima kasih saya ucapkan. Kepada ibu saya Pn. Jubira Awin dan keluarga, terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang diberikan. Di kesempatan ini juga, saya ingin sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada responden yang telah terlibat memberikan kerjasama dengan memberi tindak balas terhadap borang kaji selidik yang diberikan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa proses pembikinan tesis ini. Akhir kata, segala kerjasama yang diberi hanya dapat dibalas dengan ucapan jutaan terima kasih dan hanya Tuhan yang mampu membalas segalanya dan saya hanya boleh buat yang terbaik untuk tesis ini. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan di Skim Penempatan Getah Tulid di Daerah Keningau yang terletak di Kampung Nandagan terhadap 26 orang peneroka dan lapan kakitangan LIGS yang mengurus skim tersebut. Objektif utama kajian ialah untuk mengenalpasti keperluan latihan peneroka dalam pengurusan ladang getah. Pengumpulan data untuk kajian ini menggunakan borang kaji selidik dan analisis data adalah mengikut objektif yang telah digariskan. Penemuan kajian ini amat penting di mana ia akan dapat membantu mana-mana pihak yang bercadang untuk mengadakan program latihan bagi para peneroka berkenaan. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan dalam mewujudkan kurikulum latihan kepada peneroka terbabit. Kajian telah mendapati bahawa peneroka skim ini memerlukan latihan dalam bidang-bidang utama seperti kawalan penyakit, teknik penorehan, pemprosesan getah, pemuliharaan tanah, penanaman, pembajaan dan pengawalan rumpai. Mereka ini, secara keseluruhannya, kurang berminat dan kurang merasakan perlunya latihan dalam bidang penanaman tumbuhan penutup bumi dan penanaman tanaman sampingan. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor-faktor demografik peneroka kurang mempengaruhi tahap keperluan latihan mereka terhadap bidang-bidang kecekapan yang dikenalpasti.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A STUDY ON THE TRAINING NEEDS OF RUBBER SMALLHOLDER IN THE TULID RUBBER SETTLEMENT SCHEME IN KENINGAU, SABAH

ABSTRACT

A study was conducted at Rubber Settlement Scheme in Tulid, Keningau among 26 rubber tappers who were settlers in the rubber settlement scheme and eight LIGS's workers who were responsible to the management of the rubber settlers of the scheme. The main objective of this study was to identify the training needs in rubber plantation management. The data were collected using questionnaires and it has been analyzed to achieve the identified objectives. The findings of this study should serve as a useful guide to any party who wants to plan a training program for the scheme. It also could be used as a guide in the curriculum development for the rubber tappers. This study indicated that the rubber tappers need trainings in the areas of disease control, tapping techniques, rubber processing techniques, the soil reservation, rubber management and fertilization of rubber trees and weed control. The settlers need fewer training in term of cover crops and cash crops planting. This study had also discovered that the demographic factor of the settlers had low influence on their training needs on the identified training areas.



UMS
UNIVERSITI MAJLISU SABAH

ISI KANDUNGAN

Kandungan

PENGAKUAN	
DIPERAKUKAN OLEH	
PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
<i>ABSTRACT</i>	
ISI KANDUNGAN	
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN	

Muka Surat	
ii	
iii	
iv	
v	
vi	
vii	
ix	
x	
xi	

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Penyataan Masalah Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5

BAB 2: ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1	Konsep Latihan	6
2.2	Hubungan Latihan dan Pembangunan dengan Perubahan Organisasi	8
2.3	Kajian-kajian Berkaitan Latihan	9
2.4	Konsep Keperluan Latihan	11
2.5	Kaedah Penilaian Keperluan Latihan	13
2.6	Kajian-kajian Berkaitan dengan Keperluan Latihan	15
2.7	Aspek-aspek Keperluan Latihan yang Berkaitan dengan Pengurusan Penanaman Getah	18
2.8	Jenis-jenis Program Latihan	20

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Lokasi Kajian	23
3.2	Populasi dan Sampel	23
3.3	Reka Bentuk Kajian	24
3.4	Pembentukan Borang Kaji Selidik	24
3.5	Pengumpulan Data	25
3.6	Analisis Data	26

BAB 4: HASIL KAJIAN

4.1	Objektif Pertama: Mengetahui Maklumat Latar Belakang Para Peserta di Skim Penempatan Getah Tulid, Keningau	27
4.1.1	Jantina	27
4.1.2	Umur	28
4.1.3	Suku Kaum	28
4.1.4	Taraf Perkahwinan	28
4.1.5	Bilangan Tanggungan	29
4.1.6	Taraf Pendidikan	29
4.1.7	Jangkamasa Peneroka Menyertai Skim	30



UMS
UNIVERSITI
MELAKA
SABAH

4.2	Objektif Kedua: Mengenalpasti Keperluan-Keperluan Latihan Para Peserta Skim	31
4.3	Objektif Ketiga: Mengetahui Jika Terdapat Kaitan Antara Maklumat Demografik dengan Keperluan-Keperluan Latihan	32
4.3.1	Keperluan Latihan Berdasarkan Umur Peneroka	32
4.3.2	Keperluan Latihan Berdasarkan Jantina Peneroka	34
4.3.3	Keperluan Latihan Berdasarkan Bilangan Tanggungan Peneroka	35
4.3.4	Keperluan Latihan Berdasarkan Taraf Pendidikan Peneroka	36
4.3.5	Keperluan Latihan Berdasarkan Jangkamasa Peneroka Menyertai Skim	37

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1	Maklumat Demografik	39
5.2	Keperluan Latihan Para Peneroka Skim Berdasarkan Tanggapan Mereka dan Kakitangan LIGS	40
5.3	Hubungan Demografik Peneroka dengan Keperluan Latihan	41

BAB 6: KESIMPULAN

6.1	Ringkasan Perjalanan Kajian	43
6.2	Kesimpulan Kajian	44
6.3	Cadangan	45
6.4	Masalah dalam Kajian	46

RUJUKAN LAMPIRAN

47
49



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Peratus umur para peneroka	28
4.2 Peratus taraf perkahwinan peneroka	29
4.3 Peratus bilangan tanggungan peneroka	29
4.4 Peratus taraf pendidikan para peneroka	30
4.5 Peratus jangkamasa sebagai peneroka di SPG Tulid	30
4.6 Tingkat (<i>Rank</i>) keperluan latihan para peneroka skim Berdasarkan tanggapan mereka dengan tanggapan kakitangan LIGS	32



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
4.1 Peratus jantina para peneroka	27
4.2 Hubungan antara umur peneroka keperluan-keperluan latihan mereka	33
4.3 Hubungan antara jantina peneroka dengan keperluan-keperluan latihan mereka	34
4.4 Hubungan antara bilangan tanggungan peneroka dengan keperluan-keperluan latihan mereka	35
4.5 hubungan antara taraf pendidikan peneroka dengan keperluan-keperluan latihan mereka	37
4.6 Hubungan antara jangkamasa peneroka menyertai skim dengan keperluan-keperluan latihan mereka	38



UMS
UNIVERSITI MAI AYSIA SARAH

RUJUKAN SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN

%	Peratus
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
Ha	Hektar
Km	Kilometer
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RISDA	Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SPG	Skim Penempatan Getah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



UMS

UNIVERSITI MAJLIS SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Pada masa kini, pengeluaran getah asli dunia masih lagi diterajui dan didominasi oleh negara Thailand, Indonesia dan Malaysia. Di Malaysia, walaupun pengeluaran getah telah menurun pada awal tahun 2008 yang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti cuaca, kelemahan ekonomi dunia dan pemasaran, namun permintaan dan pemasaran getah untuk eksport di Malaysia masih lagi menunjukkan pertumbuhan bagi produk-produk seperti sarung tangan getah, kondom dan gelang getah. Di negeri Sabah, getah merupakan satu tanaman yang banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara selepas penanaman kelapa sawit dan koko. Penanaman getah di Sabah paling besar disumbangkan ialah oleh pekebun-pekebun kecil.

Menurut buku laporan tahunan *Malaysian Rubber Review* (2008), pengeluaran getah asli di Malaysia bagi negeri Sabah dan Sarawak dari suku tahun ke tiga tahun 2007 hingga ke suku tahun ke tiga 2008 menunjukkan peningkatan bagi sektor pekebun kecil getah sebanyak 45.6 peratus manakala pengeluaran getah daripada sektor estet tidak berubah. Ini memberikan sedikit gambaran bahawa pekebun kecil di Sabah mampu menjadi peneraju utama atau penyumbang utama dalam industri pengeluaran getah serta meningkatkan ekonomi negara.

Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) adalah satu badan kerajaan yang berperanan membantu meningkatkan pertumbuhan industri getah di Sabah. Ia mempunyai objektif untuk memindahkan teknologi baru kepada para pekebun kecil getah dalam aspek-aspek agronomi dan pemprosesan getah menggalakkan para petani yang mengamalkan pertanian pindah-randah kepada pertanian yang lebih



produktif, mewujudkan kemudahan pemprosesan dan pemasaran untuk para pekebun kecil dan seterusnya untuk membantu meningkatkan sosioekonomi para pekebun kecil getah di negeri Sabah (Anonymous, 2005). Salah satu strategi untuk mencapai objektif ini adalah melalui program Skim Penempatan Getah atau SPG.

Program Skim Penempatan Getah atau SPG adalah program yang bertujuan untuk menempatkan para petani yang tidak memiliki tanah atau pemilik tanah yang tidak ekonomik untuk menetap di satu kawasan penanaman getah atau di Skim-skim Penempatan Getah sebagai peneroka agar kehidupan mereka serta bekalan bahan mentah getah terjamin. Bagi melaksanakan dasar ini, LIGS telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan lima Skim Penempatan Getah iaitu di SPG Tuaran, SPG Mendulong, Sipitang, SPG Lagud Sebrang, Tenom, SPG Kuala Tomani, Tenom dan SPG Tulid, Keningau. Program SPG ini yang telah dimulakan sejak 1980 juga bertujuan untuk menguruskan sektor pekebun kecil supaya lebih efisien dan seterusnya agar dapat membantu membasmi kemiskinan tegar di Sabah (LIGS, 2005).

Sektor pekebun kecil seperti di skim-skim penempatan getah ini tidak seperti sektor estet yang mempunyai banyak kelebihan. Sektor estet mempunyai keluasan ladang yang besar, mempunyai perkhidmatan pakar dan boleh mengolah atau menerima inovasi dengan cepat. Bagi sektor pekebun kecil pula, ia terdiri daripada pemilik ladang getah persendirian dan keadaan ini membuatkan mereka terpaksa bertindak bersendirian tanpa khidmat nasihat. Pendek kata, masalah pekebun-pekebun kecil adalah terbahagi kepada dua iaitu yang berkaitan dengan masalah ladang mereka sendiri seperti keluasan yang tidak ekonomik atau hasil yang tidak menentu dan masalah yang berkaitan dengan diri pekebun kecil itu sendiri di mana mereka mempunyai pengetahuan yang terhad, latihan yang kurang dan kurang menerima perubahan (RISDA, 1980).



Sumbangan sektor pekebun kecil pada masa kini terhadap industri getah negara adalah sangat penting. Ia sangat menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini juga telah dikenalpasti akan menjadi kunci utama dalam perkembangan dan penerus kejayaan dalam industri getah Malaysia. Justeru, kerajaan telah menitikberatkan sektor pekebun kecil dengan membawa dan merubah mereka sebagai satu sektor yang berkonsepkan kemodenan agar mereka dapat keluar daripada kemiskinan dan dapat mengeksplotasikan ladang getah mereka sebagai satu sumber pendapatan yang lumayan.

Mengesan keperluan latihan yang benar-benar dikehendaki oleh peneroka sendiri adalah salah satu strategi dalam melatih mereka ke arah perubahan yang berjaya. Kajian ini adalah berdasarkan pandangan atau persepsi para peneroka mengenai keperluan latihan yang mereka kehendaki dalam meningkatkan hasil getah mereka.

1.2 Penyataan Masalah Kajian

Skim Penempatan Getah Tulid di Daerah Keningau telah dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) sejak tahun 1980an lagi. Namun sejak itu, belum ada sebarang usaha oleh pihak LIGS sendiri ataupun mana-mana pihak yang lain untuk mengenalpasti tahap pengetahuan teknikal dan keperluan latihan teknikal para peserta skim dalam aspek-aspek berkaitan dengan pengurusan penanaman getah. Pengetahuan teknikal yang mencukupi di kalangan para peserta skim adalah amat penting agar mereka dapat menguruskan penanaman getah mereka dengan lebih efektif demi membantu untuk meningkatkan produktiviti tanaman getah mereka.

Sejajar dengan itu, maka amatlah bersesuaian jika satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti dan menilai serta menganalisis latihan yang sebenarnya diperlukan oleh para peserta skim ini. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan dalam menyediakan program latihan teknikal untuk para peserta skim berkenaan. Kajian seperti ini sangat sesuai jika dilakukan dari masa ke semasa untuk mengenalpasti keperluan latihan para peserta skim mengikut keadaan dan keperluan mereka yang mana Rosley (1976) menyatakan setiap latihan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan kepada para peserta skim akan berubah-ubah mengikut keperluan peserta itu sendiri.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu;

- a. Mengenalpasti maklumat latar belakang para peserta di Skim Penempatan Getah Tulid, Keningau.
- b. Mengenalpasti keperluan-keperluan latihan para peserta skim.
- c. Mengetahui jika terdapat kaitan antara maklumat peribadi (umur, tahap pendidikan, jangkamasa menjadi peserta skim) dengan tahap keperluan-keperluan latihan para peserta skim.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian yang diperolehi dapat membantu mengenalpasti latihan teknikal yang sebenarnya diperlukan oleh para peserta skim dalam pengurusan kebun-kebun getah mereka di SPG Tulid. Dengan itu, ia akan sangat berguna sebagai rujukan oleh mana-mana pihak yang mahu merangka program latihan kepada para peneroka di skim ini. Program latihan terperinci ini juga akan dapat digunakan oleh mereka yang berkenaan seperti para kakitangan LIGS dan para agen pengembangan dalam memberikan latihan teknikal yang bersesuaian serta tersusun kepada para peserta skim. Justeru itu, dengan meningkatnya pengetahuan mereka dalam pelbagai aspek pengurusan penanaman getah, ini akan memperbaiki tahap pengurusan penanaman getah di skim dan seterusnya akan meningkatkan pengeluaran susu getah dan pendapatan para peneroka.

Di samping itu, dengan mengenalpasti dan memfokuskan keperluan latihan mengikut kehendak para penoreh, secara tidak langsung ia memberikan kesan terhadap peningkatan pengetahuan teknikal para penoreh di dalam pengurusan ladang dengan lebih berkesan.



1.5 Skop Kajian

Para responden yang terlibat dalam kajian ini hanyalah terdiri daripada para peserta Skim Penempatan Getah Tulid dan kakitangan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) yang menyelia skim tersebut. Jumlah keseluruhan peserta di SPG Tulid adalah seramai 26 orang. Jumlah kakitangan LIGS yang terlibat dalam pengurusan skim ialah seramai lapan orang.



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 Konsep Latihan

Pada masa kini perubahan dalam persekitaran yang berlaku seperti pembangunan sains dan teknologi serta perubahan struktur dan komunikasi telah memberikan kesan dalam pembangunan dan peningkatan hidup masyarakat dan juga sesuatu organisasi. Perubahan ini perlulah selaras dengan pembangunan agar kecekapan, permintaan dan kecemerlangan organisasi dapat dicapai. Justeru, bagi memastikan pekerja dapat mencapai tahap prestasi yang cemerlang, latihan adalah salah satu daripada jalan atau strategi yang baik untuk mengemaskini pengetahuan dan kemahiran pekerja dalam sesuatu organisasi. Walau bagaimanapun, ia memerlukan kurikulum teratur dari segi pembentukan objektif, kandungan latihan, penentuan peserta, metodologi pengajaran dan pembelajaran serta penilaian program latihan bagi menjadikan program latihan yang diberikan itu lebih berkesan.

Definisi latihan adalah berbeza-beza menurut pandangan setiap para penulis dan ia boleh didefinisikan secara am atau pun secara khusus. Blanchard dan Thacker (1999) mendefinisikan latihan itu sebagai satu fokus utama dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap yang diperlukan. Dalam erti kata lain, latihan itu adalah satu proses yang sistematik dalam memberi peluang untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik untuk melakukan kerja dengan lebih berkesan. Istilah latihan ini juga digambarkan sebagai satu set aktiviti untuk mencapai matlamat yang telah dikenalpasti. Mereka juga menyatakan bahawa latihan itu sebagai satu proses dan bukan hanya setakat program ataupun satu set program yang dilaksanakan. Ia adalah sebagai satu pelaburan dalam satu organisasi. Rose (1975) juga mempunyai pendapat yang sama seperti mereka dengan



digunakan sekarang dan perubahan gaya pengurusan yang lebih menekankan konsep pengurusan prestasi manusia dan sumber.

Latihan dan pembangunan kepada sesebuah organisasi dan pekerjanya adalah penting bagi mencapai matlamat perubahan yang diinginkan. Dalam erti kata lain, program latihan dapat mencetus dan membentuk kelebihan daya saing sesebuah organisasi serta meningkatkan kualiti dan produktiviti pekerja. Program latihan dan pembangunan boleh dikatakan sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang oleh sesebuah organisasi untuk para pekerjanya. Para pekerja yang mengikuti program latihan dan pembangunan akan dilihat sebagai mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding dengan rakan sejawat yang tidak mengikuti mana-mana program latihan dari segi pengetahuan dan juga kemahiran. Di samping itu, latihan dan pembangunan dapat membantu para pekerja sentiasa seiring dengan perubahan yang berlaku di persekitaran mereka dan dapat meningkatkan kerjaya mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Melalui latihan juga, pekerja akan menjadi lebih berkeyakinan untuk terus berkhidmat dengan organisasi seterusnya memberi kesan kepada motivasi pekerja (Zafir dan Fazilah, 2003).

2.3 Kajian-Kajian Berkaitan Latihan

Sebahagian besar industri getah adalah didominasi oleh sektor pekebun kecil dan industri getah adalah pendapatan utama kepada sebahagian besar penduduk luar bandar. Ia menunjukkan bahawa industri ini memainkan peranan utama dalam ekonomi negara dan kesejahteraan sosial pekebun kecil. Namun begitu, pekebun-pekebun kecil masih lagi berada pada tahap kehidupan yang miskin meskipun menjadi penyumbang utama pengeluaran getah negara. Justeru, usaha-usaha ke arah meningkatkan sosio-ekonomi pekebun kecil telah dititikberatkan sejak lama dahulu. Langkah demi langkah diambil dengan melaksanakan pelbagai projek termasuklah khidmat pengembangan dan latihan melalui agensi-agensi seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

pertanian adalah satu gabungan seni dan sains dalam semua aspek kerja termasuklah mempelajari teknik kajian, menguasai kaedah mengajar atau memindahkan kemahiran kepada petani.

Dalam buku tulisan Maimunah (1988), beliau memberikan makna latihan dalam konsep pengembangan iaitu pengembangan merupakan satu bentuk pembangunan profesional ke atas diri seseorang. Ia melibatkan proses interaksi antara seorang pengajar dan peserta dalam suatu siri aktiviti latihan yang telah disusun rapi bertujuan untuk meningkatkan kecekapan bekerja melalui pembaharuan dalam cara pemahaman, pemikiran dan tingkah laku dalam sesuatu subjek. Subjek itu umpamanya teknik-teknik pengembangan, komunikasi, pendidikan dewasa, pembangunan masyarakat dan kaedah-kaedah bekerja dengan masyarakat tempatan. Tambahan lagi, latihan itu sebenarnya merupakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan sesuatu latihan itu bergantung kepada jenis aktiviti pembelajaran yang dialami oleh seseorang peserta latihan.

2.2 Hubungan Latihan dan Pembangunan dengan Perubahan Organisasi

Di ambil daripada definisi-definisi latihan di atas, iannya boleh diringkaskan bahawa latihan adalah apa jua inisiatif yang boleh diambil oleh sesbuah organisasi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerjanya dalam bidang pekerjaan mereka mengikut perkembangan semasa. Latihan juga adalah salah satu langkah ke arah pembangunan yang mana dapat meluaskan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan para pekerjanya dalam jangkamasa yang panjang. Oleh itu, latihan dan pembangunan adalah saling berkaitan.

Menurut Zafir dan Fazilah (2003), sesuatu organisasi akan mengalami perubahan dari masa ke semasa dan kadangkala perubahan yang berlaku ini adalah diluar jangkaan. Perubahan ini melibatkan peralihan dari satu keadaan kepada keadaan lain dan ia akan memberi kesan kepada individu, kumpulan dan organisasi secara keseluruhan. Secara kasarnya, perubahan ini akan memberi kesan secara langsung kepada program latihan dan pembangunan yang akan dilaksanakan atau boleh juga diklasifikasikan sebagai faktor yang mempengaruhi program tersebut. Contoh perubahan ini adalah seperti perubahan gaya hidup, perubahan teknologi yang

menyatakan matlamat utama latihan terhadap semua pekerja yang terlibat adalah untuk membentuk tenaga kerja yang berkemampuan agar dapat menjadikan organisasi itu menampilkan mutu kerja yang baik, bekerja lebih efisien dan dengan pengeluaran kos yang rendah.

Wan Azmi (1998) percaya bahawa latihan itu merupakan satu bentuk pembelajaran yang diusahakan untuk menukar atau mengubah prestasi kerja seseorang. Pada pendapat beliau, prestasi itu adalah tentang sejauh mana kecekapan para pekerja dapat mengendalikan tugas yang diberikan dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Latihan adalah perlu sekiranya terdapat kelemahan di antara apa yang dilakukan dengan apa sepatutnya yang perlu dilaksanakan. Beliau juga percaya amnya latihan diperlukan apabila seseorang hendak dilatih itu tidak tahu sebahagian atau semua kerjanya, seseorang itu diberi tugas yang baru dan seseorang itu mempunyai tanggungjawab baru di samping kerja-kerja yang sedia ada.

Peningkatan produktiviti dapat dicapai apabila sekumpulan individu dalam sesuatu organisasi itu mengubah tahap kemahiran mereka kepada tahap yang lebih baik. Perubahan ini memerlukan latihan dan latihan adalah satu jalan yang membawa kepada perubahan (Prior, 1991). Selain itu, beliau juga menyatakan latihan dapat meningkatkan pengetahuan seseorang individu itu. Melalui latihan, individu akan dapat meningkatkan pengetahuan secara teori walaupun belum tiba masanya untuk pengetahuan itu diaplikasikan. Oleh itu, apabila masalah baru timbul, berkemungkinan individu terbabit mampu menangani masalah tersebut kerana telah mempunyai pengetahuan untuk mereka menilai sendiri situasi ketika itu.

Konsep latihan diaplikasikan secara meluas bukan hanya dalam industri dan organisasi tetapi juga dalam aktiviti pegembangan, contohnya aktiviti latihan yang dilaksanakan dalam pengembangan pertanian. Menurut Prasad *et al.* (1996), latihan itu satu mekanisma yang penting dalam pengembangan, dalam memindahkan teknologi baru dan produktiviti dalam membangunkan sumber manusia. Pendek kata, latihan amat berkait rapat dengan perkembangan pendidikan di mana pendidikan itu mempunyai unsur latihan manakala latihan itu juga mempunyai unsur pendidikan. Menurut mereka juga, latihan adalah salah satu asas dalam proses membangunkan industri pertanian selain pendidikan, kajian dan pengembangan. Oleh itu, latihan dalam



Pendekatan khidmat pengembangan dan latihan terhadap pekebun kecil adalah proses memberi pendidikan bagi merangsang mereka mengamalkan teknologi baru yang disyorkan yang dijalankan secara formal dan bukan formal (RISDA, 2010). Khidmat latihan ini juga adalah satu proses komunikasi yang memberi pengetahuan, membawa perubahan sikap dan meningkatkan kemahiran dikalagan pekebun kecil yang akan merangsangkan pemindahan dan penerapan teknologi. Terdapat beberapa kajian yang menghuraikan kaedah atau program latihan yang telah dilaksanakan terhadap pekebun kecil.

Dalam kajian Rosley (1976), beliau menghuraikan beberapa kaedah pengembangan dan latihan yang dilaksanakan oleh RISDA untuk pekebun kecil. Antara objektif latihan yang dinyatakan termasuklah meningkatkan pengetahuan pekebun kecil mengenai penanaman getah dan pengeluaran serta pemprosesan dan melatih generasi muda terutamanya anak-anak pekebun kecil terhadap segala aspek penanaman dan pemprosesan getah agar industri getah sentiasa mempunyai bekalan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dalam penanaman getah. Salah satu program latihan yang dinyatakan dan telah dijalankan terhadap pekebun kecil dan anak mereka ialah kursus biasa (*standard course*) iaitu mereka diberi pengetahuan praktikal dan teori di mana mereka ini adalah pekebun kecil yang sekurang-kurangnya lulus darjah lima. Kursus praktikal (*practical course*) pula adalah dilaksanakan terhadap pekebun kecil yang tidak bersekolah dan kursus ini menitikberatkan aspek pembelajaran secara praktikal yang dijalankan seminggu sekali selama enam bulan bertempat di kampung di mana ia dilaksanakan. Kursus pendek (*Short course*) adalah dilaksanakan terhadap kumpulan sasar yang tertentu seperti peneroka di bawah program Skim Pembangunan Tanah yang memberikan latihan terhadap topik-topik yang berhubung dengan keperluan mereka pada masa-masa tertentu. Beliau juga berpendapat, latihan adalah faktor yang penting di dalam pemodenan pekebun kecil dan melalui program latihan, inovasi baru dapat disalurkan kepada mereka.

Menurut kajian daripada RISDA (1980), mereka menyatakan beberapa program latihan yang dilaksanakan bagi mendekati sebanyak mungkin pekebun kecil. Antara strategi program latihan yang dilaksanakan adalah Pembangunan Perbadanan Pekebun Kecil dan Petani Contoh. Pembangunan Perbadanan Pekebun Kecil ini adalah yang terpilih dan terdiri daripada mereka yang berkemampuan serta bermotivasi. Selepas menjalani latihan, mereka yang terpilih ini akan kembali ke kampung dan menjadi

penghubung antara RISDA dan pekebun kecil. Mereka ini berperanan sebagai penyokong dan memotivasi pekebun kecil yang lain ke arah perubahan. Mereka ini juga akan sentiasa dipanggil untuk menjalani latihan lebih lanjut untuk memantapkan lagi pengetahuan mereka. Strategi Petani Contoh pula dilaksanakan dengan memberikan latihan kepada beberapa pekebun kecil yang terpilih yang mana mereka ini telah berjaya di fasa mengadaptasi inovasi baru dan mengamalkan kaedah moden di ladang. Objektifnya ialah dengan memberikan mereka teknik pertanian yang maju, secara tidak langsung ladang mereka akan menjadi model kepada pekebun kecil yang berdekatan ladang mereka. Selain daripada program latihan yang telah dinyatakan, terdapat lagi latihan yang dilaksanakan bagi memberikan mereka pengetahuan dalam teknologi baru. Antaranya ialah projek pendidikan untuk anak pekebun kecil, aktiviti bertemakan sains di rumah-rumah pekebun kecil terutamanya bagi wanita sebagai contoh menjahit, latihan vokasional iaitu dalam bidang elektrik, motor, pembaikan alatan rumah dan sebagainya bagi mengurangkan rasa bergantung terhadap pertanian dan mengurangkan pengganguran. Pada akhir kajian, mereka menyimpulkan bahawa formulasi dan perlaksanaan program komuniti dan sumber manusia adalah penting dengan menggariskan pendidikan dan latihan adalah wajib dititikberatkan dalam merubah sikap pekebun kecil kearah kehidupan dan kerjaya yang lebih baik serta membina sikap berdikari di kalangan pekebun kecil.

2.4 Konsep Keperluan Latihan

Latihan yang relevan, berguna dan menjanjikan kesan kepada prestasi individu sasaran, perlulah berdasarkan keperluan. Ringkasan daripada definisi-definisi latihan di atas, matlamat latihan itu adalah agar dapat membawa perubahan sikap atau meningkatkan produktiviti serta kualiti dan mutu prestasi kerja. Bagi mencapai matlamat ini, keperluan latihan golongan yang dilatih ini perlu dikenalpasti. Dalam erti kata lain, latihan yang diberikan kepada golongan pelatih haruslah berdasarkan keperluan dan kehendak mereka yang mana ia mampu mencapai matlamat sesuatu program latihan yang dilaksanakan. Menurut Prasad *et al.* (1996), proses mengenalpasti keperluan latihan itu adalah satu aspek penilaian dalam langkah pertama bagi mengenalpasti dan merancang aktiviti yang sesuai untuk dimasukkan dalam program latihan.



Sparhawk (1994) percaya bahawa proses menentukan atau mengkaji keperluan latihan adalah langkah pertama untuk mencapai matlamat dalam memberi latihan yang berkesan. Langkah utama ini termasuklah memahami dan mengumpul maklumat agar dapat mengenalpasti keadaan situasi yang perlu diperbetulkan ataupun situasi yang membuatkan kumpulan sasaran itu memerlukan latihan. Selain itu, ia juga membantu dalam menentukan jenis latihan yang perlu atau patut diberikan untuk memperbetulkan keadaan situasi terhadap individu atau kumpulan sasaran. Contohnya seperti latihan berkumpulan samada kecil atau besar, latihan berkenaan komputer, latihan berkaitan pengurusan atau sebagainya mengikut analisa situasi dan juga keperluan sasaran. Mengkaji situasi haruslah tidak terhad pada pemahaman sendiri tetapi juga perlu melibatkan pandangan orang lain mengenai situasi dan isu yang dihadapi ketika itu. Pandangan orang lain sebenarnya dapat membantu kita menganalisa keadaan sebenar seterusnya apabila pandangan kita sendiri digabungkan dengan pandangan orang lain maka ia memberikan satu imaginasi dan pemahaman yang luas mengenai situasi pada ketika itu.

Beliau juga menyatakan bahawa mengkaji keperluan latihan ini adalah penting bagi memastikan keperluan latihan adalah selaras dengan situasi. Proses mengkaji keperluan latihan ini juga membantu golongan sasaran agar mereka faham isu dan masalah yang mereka hadapi. Kadangkala, golongan sasaran yang terlibat akan memberi komitmen dan sokongan yang berterusan sehingga ke peringkat penyelesaian masalah jika keperluan latihan itu benar-benar dapat membantu mereka dalam meningkatkan kualiti kerja di mana mereka sendiri tahu dan sedar akan kepentingan keperluan latihan itu sendiri.

O'Connor *et al.* (1996) menyatakan penilaian keperluan itu adalah satu proses mencari dan menemukan pekerja di dalam sesuatu organisasi di mana mereka perlu belajar dan bagaimana keutamaan mereka perlu diberi perhatian. Blanchard dan Thacker (1999) percaya bahawa penelitian keperluan latihan dalam satu organisasi, fasa mengenalpasti masalah dan punca adalah peringkat yang penting. Contohnya, masalah kekurangan pengetahuan, kemahiran dan sikap, maka latihan adalah jalan penyelesaian yang berkesan. Dengan ini, program latihan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kerja dalam sesuatu organisasi. Dalam erti kata lain, apabila keperluan latihan telah dikenalpasti dalam satu organisasi, maka program latihan akan dibentuk untuk memenuhi keperluan itu. Program latihan yang dilaksanakan ini akan



RUJUKAN

- Abdul Rahim Awang. 1992. *An Assessment of Field-Level Extension Agent Inservice Training Needs Related to the Educational Process as Perceived by Extension Personnel in the Sabah State Department of Agriculture, Malaysia*. Doctoral Thesis. Iowa State University, Ames
- Abdullah Sepien. 1980. Sociological Factors and Productivity of Malaysian Smallholders. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of Fourth Seminar*. 17-22 July 1980. Colombo, Sri Langka
- Abraham, P.D. 1976. Transfer of Modern Agronomic Practices to Malaysian Rubber Smallholders. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Third Seminar*. 18-23 October 1976. Hat Yai, Thailand LIGS. 2005.
- Blanchard, P.N dan Thacker, J. W. 1999. *Effective Training: System, Strategies and Practices*. 2nd Edition. Upper Saddle River: Pearson Education, Inc. New Jersey 07458
- Dissanayake, A. B. 1980. An Assesment of the Training Clases on Rubber Cultivation For Smallholders. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Forth Seminar*. 17-22 July. Colombo, Sri LANGKA
- Griffin, R.S dan Tinnimit, P. 1976. Using Modern Communication Methods to Enhance Smallholder Training and Extension Programmes. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Third Seminar*. 18-23 October 1976. Hat Yai, Thailand
- Joe, B.W. 1994. *Applying Succesful taining Techniques:A practical Guide to Coaching And Facilitating Skills*.Richard Chang Associates, Inc. Irvine, CA 92714
- Maimunah Ismail dan Asma Ahmad. 1985. *Keperluan Latihan Pegawai-Pegawai Barisan Hadapan RISDA*. <http://psasir.upm.edu.my/2419/>. Dilayari pada 5 Mac 2010. Disahkan pada 28 Mac 2010.
- Maimunah Ismail. 1988. *Pengembangan: Implikasi ke atas Pengembangan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Malaysian Rubber Board. 2008. *Malaysian Rubber Review*. Volume 11. Fourth Quarter
- Nilson, C. 1989. Training Program Workbook & Kit. James Peter Book. United States, America
- O'Connor, B.N. Bronner, M. dan Delaney, C.2002. *Training for organizations*. 2nd edition.south western publishing, Cincinnati, OH 4227-1490
- O'Connor, B.N., Bronner, M. dan Delaney, C. 1996. *Training for Organizations*. South-western Educational Publishing. Cincinnati
- Prasad, C., Kesseba, A. dan M. Singh, S. P. 1996. *Extension Strategy for Resource-poor Farmers in Rain Fed Agriculture*. James Peter Book. United States, America
- Prior, J. 1991. *Gower Handbook of Training and Development*. 2nd Edition. Association with the Institute of Training and Development
- Reay, D. G. 1994. *Identifying Training Needs*. Nichols Publishing. United States, America
- RISDA. 1980. Training of Smallholders. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Forth Seminar*. 17-22 July. Colombo, Sri, Langka
- RISDA. 2010. *Laman Web Rasmi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)*. <http://www.risda.gov.my/home> Di layari pada 20 Febuari 2010
Disahkan pada 28 Mac 2010



- Rose, H. C. A. 1975. Evaluating Training Programs. A Collection of Articles From The Journal of the American Society for Training and Development. In Kirpatrick, K.L. *Plan for Training Evaluation*. American Society for Training and Development, Inc. U.S.A
- Rosley Bin Abdullah. 1976. Method of Extension and Training of Rubber Smallholders in Malaysia. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders *Proceeding of The Third Seminar*. 18-23 October. Hat Yai, Thailand
- Rosli Kasim. 1977. Socio-Techno-Economic Acceptance of The standard Malaysia Rubber A Scheme Among Smallholdings in West Malaysia. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Third Seminar*. 24-30 November 1977. Kerala, India
- Sabah Rubber Industry Board. <http://www.sabah.gov.my/ligs/>. Dilayari pada 22 Oktober 2009. Disahkan pada 28 Mac 2010
- Saidin Teh. 1980. *Professional Competencies Needed by Malaysian Agricultural Extension supervisors*. Doctoral Dissertation. Iowa State University, Ames
- Samsudin Tugimann. 1977. An Analysis of the Training Needs for the Extension Personnel Working in the Smallholder Sector of the Rubber Industry in Peninsular Malaysia. In: The Progress and Development of Rubber Smallholders. *Proceeding of The Third Seminar*. 24-30 November 1977. Kerala, India
- Sparhwak, S. 1994. *Identifying Targeted Training needs: A Practical Guide To Beginning An Effective Training Strategy*. Richard Chang Associates, Inc. USA
- Varghese, Y. A. dan Abraham, S. T. 2005. Handbook of Industrial Crops. In, Chopra, V.L. dan Peter, K. V. *Rubber*. Binghamton: Haworth Press, Inc
- Wan Azmi Ramli. 1998. Latihan Profesional: *Pendekatan Kepada Teori-Strategi-Amali Dalam Latihan Profesional*. Golden Book Centre SDN. BHD. Malaysia
- Zafir. A. C. dan Fazilah L. 2003. Mengurus Latihan dan Kerjaya: Ke Arah Meningkatkan kesetiaan pekerja. Leeds publications. Selangor, Malaysia

